



جامعة
Teknologi
MARA

salam@uitm

Bil. 04 Okt - Dis 2017
www.uitm.edu.my

sidang redaksi....

BULETIN SALAM Okt - Dis 2017

Penaung
Profesor Emeritus Dato'
Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan
Mohd

Editor
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Rosdi Abdul Hamid

Wartawan
Hanisah Yacob
Firdaus Abd Hanan
Nor Azlina Nordin
Hazizi Jantan

Foto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang memberi kerjasama dalam menyalurkan sumber berita dan gambar yang telah dimuatkan dalam buletin ini.

BERITA
UTAMA

Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-87

01



Shah Alam -- Istiadat Konvokesyen ke-87, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah berlangsung di 12 cawangan bermula pada 14 Oktober hingga 14 November 2017. Di UiTM Cawangan Shah Alam sebanyak 11 sidang telah berlangsung bermula pada 14 hingga 21 Oktober 2017, di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC).

Sebanyak 12 Anugerah Graduan Terbaik (AGT) disampaikan kepada 13 orang graduan yang terpilih, selepas menjalani proses penilaian yang terperinci di peringkat fakulti dan universiti. Secara keseluruhan seramai 26,417 graduan menerima anugerah masing - masing. Daripada jumlah tersebut,



seramai 71 graduan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), 1,286 Ijazah Sarjana, 82 Diploma Lepasan Ijazah, 10,639 Ijazah Sarjana Muda, 41 Profesional dan 14,298 graduan diploma.

Untuk Kampus Shah Alam, seramai 513 orang graduan menerima PhD dan Ijazah Sarjana masing-masing pada sidang pertama istiadat ini, yang disempurnakan oleh YABhg. Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah bin Abdullah, Pro Canselor UiTM. Secara keseluruhan jumlah graduan yang menerima anugerah masing - masing di UiTM Kampus Shah Alam adalah seramai 10,753 graduan.



Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus



Mantan Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), YB Tan Sri Dr Ibrahim Shah Abu Shah dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus pada Istiadat Konvokesyen ke-87. Anugerah berkenaan telah disampaikan Pro-Canselor UiTM Tun Ahmadshah Abdullah sebagai tanda mengiktiraf sumbangan, komitmen, kepakaran dan kesungguhan beliau sepanjang sembilan tahun menjadi Naib Canselor UiTM.

YB Senator Tan Sri merupakan Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang ke-2, untuk tempoh sembilan tahun, bermula daripada 1 Januari 2001 dan mengakhiri perkhidmatan cemerlangnya pada 31 Disember 2009. YB Senator Tan Sri telah memulakan perkhidmatan beliau dengan UiTM (ITM pada ketika itu) bermula tahun 1975 sebagai Pensyarah dan Profesor Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang (1975-2009).


Beliau telah berkhidmat selama 34 tahun dengan memberikan sumbangan yang penting kepada ITM/UiTM dan negara melalui pelbagai peranan dalam



kesarjanaan akademik, kepimpinan universiti dan khidmat kepada masyarakat, bangsa dan negara. Sepanjang perkhidmatannya di UiTM, selain memenuhi tuntutan sebagai pensyarah, beliau juga telah diberi kepercayaan menyandang jawatan sebagai pentadbir akademik di pelbagai peringkat kepimpinan.

Seluruh warga universiti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YB Senator Tan Sri Dato' Seri Dr Ibrahim Abu Shah atas penganugerahan gelaran Profesor Emeritus oleh Universiti Teknologi MARA.

Majlis Perasmian PEMANAS 5.0 dan Pelancaran Alumni PEMANAS 1



3 Disember 2017 - Majlis Perasmian Persidangan Kepemimpinan Mahasiswa Nasional 2017 (PEMANAS 5.0) Serta Pelancaran Alumni PEMANAS telah diadakan di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam.

Seramai 1300 orang yang terdiri daripada Menteri, Timbalan Menteri, Menteri Besar, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara, Wakil Kementerian dan NGO, Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Awam dan Universiti Swasta, Peserta PEMANAS 5.0 serta Alumni PEMANAS telah hadir pada majlis yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Pada majlis tersebut, Naib Canselor UiTM telah menerima Anugerah Keris Emas, serta beberapa anugerah lain. YAB Perdana Menteri juga turut merasmikan Alumni PEMANAS pada majlis ini.

Majlis Perasmian UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu & Pelancaran Big Data Lab Seluruh Sistem UiTM

Kota Bharu—Majlis Perasmian UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Kota Bharu dan Pelancaran Big Data Lab Seluruh Sistem UiTM yang dilancarkan pada 29 Oktober 2017 membuka lembaran baharu dalam meningkatkan kualiti pendidikan ke taraf yang lebih tinggi serta merupakan berita gembira kepada seluruh warga Kelantan.

Majlis ini dipancarkan secara langsung ke 13 kampus UiTM yang turut membangunkan Makmal Data Raya atau Big Data Lab (BDL) termasuklah kampus-kampus Puncak Alam, Kuala Terengganu, Raub, Segamat, Jasin, Seremban, Tapah, Sungai Petani, Arau, Permatang Pauh, Kota Kinabalu dan Samarahan.

05 Pelancaran BDL telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh di UiTM Kelantan, Kampus Kota Bharu. Dalam majlis yang sama, beliau turut merasmikan bangunan baharu UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Kota Bharu.

Kewujudan Big Data Lab di seluruh sistem UiTM bukan sahaja akan memberi kesan positif kepada warga kampus tetapi juga masyarakat setempat yang akan sama-sama mendapat manfaat daripada perkembangan ilmu khususnya ICT.



STEM 2017



Bertempat di Holiday Inn Kuala Lumpur, Glenmarie Shah Alam, satu Kongres Kebangsaan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) anjuran Majlis Profesor Negara (MPN) telah diadakan selama dua hari bermula pada 20 hingga 21 November 2017. Kongres tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangua.

Kongres dengan tema "Ke Arah Memartabatkan Kerjaya Dan Pekerjaan Dalam Bidang Sains Dan Teknologi" ini merupakan anjuran Majlis Profesor Negara (MPN) melalui Kluster Sains Dan Matematik dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA(UiTM), Kementerian Pendidikan Tinggi, dan Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI). Diharapkan agar kongres ini dapat membantu membangun serta memantapkan lagi minda serta budaya masyarakat Malaysia yang berlandaskan pengetahuan dalam sains dan teknologi di peringkat sekolah dan pendidikan tinggi menerusi aspek pekerjaan dan kerjaya.



Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM

07

Hari Inovasi UiTM 2017 telah diadakan pada 7 Disember 2017 bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam. Majlis ini diterajui oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia sebagai pihak tuan rumah pada tahun ini.

Bertemakan Teknologi Inovatif Pemangkin Kelestarian Sejagat, Majlis Kemuncak Bulan Inovasi 2017 ini telah dirasmikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor. Majlis ini meraikan seramai 650 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2016.

Acara kemuncak bagi majlis ini ialah penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Anugerah Kualiti Naib Canselor. Berikut ialah pemenang bagi tahun 2017:

Kategori Anugerah	Pemenang
Juara Keseluruhan Anugerah Kualiti Naib Canselor 2017	Pejabat Pendaftar
Anugerah Kualiti Naib Canselor 2017 (Kategori Bahagian/ Unit)	Tempat pertama: Pejabat Pendaftar Tempat kedua: Perpustakaan Tun Abdul Razak Tempat ketiga: Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Anugerah Kualiti Naib Canselor 2017 (Kategori Fakulti)	Tempat pertama: Fakulti Perakaunan Tempat kedua: Fakulti Sains Komputer & Matematik Tempat ketiga: Fakulti Pengurusan Maklumat
Anugerah Kualiti Naib Canselor 2017 (Kategori Kampus Negeri)	Tempat pertama: UiTM Cawangan Perak Tempat kedua: UiTM Cawangan Negeri Sembilan Tempat ketiga: UiTM Cawangan Johor
Pembentangan Terbaik	Pejabat Pendaftar
Anugerah Kolej Cemerlang 2017	Kolej Melati
Anugerah Integriti UiTM 2017	Pejabat Bendahari



Program *Paint With Me*



Pada 3 Disember 2017 satu program kesukarelawanan "Paint With Me" telah berlangsung di Akademi Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam. Antara aktiviti kesukarelawanan yang diadakan adalah seperti mengecat, membersihkan kawasan dan kebersihan persekitaran kampus. Program ini dianjurkan sempena dengan Hari Sukarelawan Sedunia 2017.

Sebanyak 1,600 sukarelawan terlibat dalam program ini yang melibatkan beberapa lokasi seperti di Kolej Anggerik, Kolej Perindu, Kolej Delima,



Kolej Teratai, Kolej Mawar, Kolej Melati dan Non-Resident. Tiga fakulti yang terlibat ialah Akademi Pengajian Bahasa, Akademi Pengajian Islam Kontemporari dan Fakulti Sains Komputer dan Matematik. Kelab dan persatuan kakitangan yang terlibat pula ialah Persatuan Pentadbir UiTM dan Kelab Pejabat Bendahari UiTM.

Majlis telah dirasmikan oleh Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said dan turut dihadiri Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM, Prof. Dato' Dr Abdullah Mohamad Said.

BERITA
PTJ

Makmal Human Resource Walk Through (HRWT)



HRWT adalah salah satu program turun padang (engagement) anjuran Pejabat Pendaftar yang bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran dalam aspek pengurusan sumber manusia serta menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan.

Objektif program ini diadakan adalah untuk warga UiTM memahami tadbir urus universiti dengan baik, memahami proses kerja yang melibatkan pengurusan sumber manusia secara mendalam untuk digunakan dalam mengendalikan tugas-tugas berkaitan di PTJ dan staf juga berpeluang untuk mengemukakan masalah dengan cara terus melalui sesi dialog.

HRWT ini dibuat merangkumi semua zon, bermula di zon timur, kemudian diikuti zon selatan, utara, termasuk Sabah dan Sarawak dan diakhiri di Selangor. Program ini mengandungi sesi pembentangan Perancangan Strategik Sumber Manusia UiTM tahun 2016 – 2020. HRWT adalah program yang memberi banyak manfaat kepada staf dan juga merupakan platform kepada staf untuk lebih memahami perubahan yang berlaku di UiTM.





Majlis Jasamu Dikenang 2017

12 Oktober 2017 - Majlis Jasamu Dikenang (MJD) UiTM 2017 telah berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam. Majlis ini diadakan khusus untuk menghargai jasa staf universiti yang akan bersara wajib dan telah/akan bersara secara pilihan sendiri.

Selain itu juga, majlis ini turut memberi penghargaan kepada staf yang telah berkhidmat setia bagi tempoh 30, 25 dan 20 tahun perkhidmatan di UiTM. Tema MJD bagi tahun 2017 ialah 'Precious', dimana tema ini dipilih kerana staf yang telah memberi khidmat bakti kepada UiTM adalah permata yang sangat bernilai dan amat dihargai.

Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Data Academician Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin, FASc ,Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan diringi oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor. Seramai 1131 staf telah diraikan pada majlis yang meriah ini.





12 Oktober 2017 – Bertempat di Dewan Muktamar 1, Masjid Al-Wathiq Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM Shah Alam telah berlangsungnya Majlis Penutupan Mahrajan Semarak Hijrah dan Penganugerahan Tokoh Maal Hijrah 1439H Peringkat UiTM. Program Mahrajan Semarak Hijrah ini telah berlangsung bermula 21 September sehingga 12 Oktober 2017 dan telah disertai oleh kakitangan dan pelajar UiTM. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program ini berlangsung. Antaranya program bacaan

Mahrajan
SEMARAK HIJRAH
&
Anugerah
TOKOH MAAL HIJRAH
1439H/2017 UiTM

doa awal tahun dan akhir tahun, ceramah dan forum maal hijrah serta pelbagai program dan pertandingan berbentuk islamik dan kerohanian.

Majlis Perasmian Penutupan Mahrajan Semarak Hijrah ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said diikuti dengan penyampaian anugerah kepada Tokoh Maal Hijrah 1439h

Peringkat UiTM. Pada tahun ini penganugerahan hanya diberikan kepada dua kategori sahaja iaitu kategori staf akademik dan pelajar.

Pada tahun ini, Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Staf Akademik UiTM telah dianugerahkan kepada YBhg. Prof. Sr Ir Dr Hj Suhaimi Abd Talib yang merupakan mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)



HICT 2017



12

Pada 29 hingga 30 November 2017, Jabatan Infostruktur UiTM telah menganjurkan program hari bertemu pelanggan yang dinamakan sebagai Hari ICT (HICT) 2017 bertempat di Dewan Seri Budiman, UiTM Shah Alam. Majlis Perasmian dan Penutup telah dilancarkan oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM.

HICT 2017 diadakan adalah untuk memberi pendedahan berkaitan peranan dan perkhidmatan ICT yang disediakan Jabatan Infostruktur kepada staf dan pelajar. Selain itu juga, HICT 2017 memberi ruang dan peluang kepada pelanggan-pelanggan UiTM untuk berinteraksi secara lebih dekat dengan staf di Jabatan Infostruktur dalam mendapatkan khidmat nasihat berkaitan ICT yang ditawarkan.

Sebanyak 13 reruai disediakan bagi memperkenalkan semua perkhidmatan ICT yang Jabatan Infostruktur sediakan kepada semua warga UiTM. Program ini juga turut disertai oleh beberapa pihak ICT dari Kampus cawangan seperti cawangan Pulau Pinang, Melaka dan Pahang, Pahang serta Bahagian Hal Ehwal Akademik (SIMS Akademik dan InED). Pelbagai ceramah berkaitan ICT, jualan dan promosi produk ICT dan sesi cabutan bertuah turut diadakan.



LAWATAN KERJA KE PARLIMEN MALAYSIA



Pada^{14 November 2017} bersempena Persidangan Dewan Rakyat pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, satu lawatan kerja ke Parlimen Malaysia telah diadakan dan melibatkan 35 Penolong Pendaftar dari UiTM Shah Alam termasuk dua dari UiTM Kampus Raub. Idea dan cadangan lawatan kerja ini telah dicetuskan oleh kumpulan Kumpulan Pemantoran Peach di bawah Penolong-Penolong Pendaftar UiTM.

Dalam lawatan kerja tersebut, delegasi diberi kesempatan untuk memerhatikan perjalanan perbahasan Dewan Rakyat selama tiga puluh minit. Delegasi telah melihat sendiri bagaimana beberapa Ahli Parlimen berbahas dan bertanya soalan. Delegasi kemudiannya di bawa ke Dewan Negara untuk diberikan taklimat keseluruhan tentang Parlimen Malaysia, komponen dan fungsi parlimen.

Delegasi juga bertuah kerana YB Dato' Seri Dr. Haji Irmohizam Ibrahim, Ahli Parlimen Kuala Selangor turut sama menyampaikan taklimat khas sebagai tanda penghargaan kedatangan kumpulan Penolong Pendaftar UiTM ke Parlimen. Delegasi yang menyertai lawatan ini telah mendapat banyak ilmu yang bermanfaat dan merupakan salah satu pengalaman baru tentang sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia.

Disability We Care Conference

Pada 25 November 2017 di UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh telah berlangsungnya Konforensi "Disability We Care". Konferensi yang julung-julung kalinya dibuat untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) ini adalah anjuran Fakulti Pergigian UiTM.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Rohani Abdul Karim , Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said Naib Canselor turut hadir bersama dalam majlis ini. Dengan tema konferensi "Empowering Multidisciplinary Care for People With Disabilities" tujuan utama konferensi ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran kesihatan dan penjagaan gigi di kalangan OKU.

14

Konferensi yang berlangsung selama dua hari itu turut menawarkan pemeriksaan mata, gigi, khidmat nasihat kesihatan dan demonstrasi pertolongan cemas kepada para peserta. YB Menteri juga telah merasmikan Klinik Khas Pergigian pada majlis yang sama.





CMT Visual Arts 2017

4 Disember 2017, Creative Media & Technology Hub (CMT) telah menganjurkan Festival CMT Visual Arts 2017 di Dewan Seri Budiman, UiTM Shah Alam. Program ini mempamerkan seni kreatif dan teknologi yang dihasilkan oleh warga UiTM serta beberapa agensi berkaitan.

Pameran ini menggabungkan 14 fakulti media kreatif dan teknologi serta kolaborasi dengan beberapa agensi/institusi seni kreatif dan teknologi. Selain pameran, pertandingan mewarna dan melukis yang bertemakan "Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka" juga turut diadakan.

Pameran Animasi 3D yang dikendalikan oleh Crystal Digital Technology Co. Ltd., sebuah syarikat teknologi dari Shanghai yang berpengalaman dalam pengendalian pameran bertaraf dunia seperti di The 2012 London Olympic and Paralympic Games, The 2010 Shanghai Expo Graphic, perasmian dan penutup The 2008 Beijing Olympic Games telah menjadi tarikan utama kepada pengunjung ke program ini.

Pameran Animasi 3D ini memberi pengalaman berbeza kepada pelawat untuk merasai suasana lebih realistik berbanding pameran 2D yang lain. Ini sejajar dengan hasrat menyahut cabaran kerajaan menuju Revolusi Industri 4.0 negara serta membuka peluang untuk mempersembahkan program pameran yang berbentuk 'Futuristic' dan berteknologi tinggi di negara ini.



Program Pengukuhan Profesionalisme BCKK 2017



Seramai 55 orang staf Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat, Universiti Teknologi MARA telah menyertai Kursus Pengukuhan Profesionalisme BCKK 2017 (Teambuilding) yang telah diadakan di Hotel Amverton Heritage Resorts, Ayer Keroh Melaka pada 15 hingga 17 Disember 2017.

Pelbagai aktiviti telah diaturkan khas selama 3 hari 2 malam seperti Management Games, sesi perkongsian berkaitan Imej dan Jenama Diri, pengisian elemen Team Bonding dan Wow Factor serta Amazing Race.

Selain itu juga, sesi pengisian elemen Team Bonding dan Wow Factor oleh Pakar Motivasi Pn Raffidah Asnawi dari HRA Legacy Resources telah menarik perhatian dan menyentuh perasaan para peserta. Buat julung kalinya acara Fun Walk dengan jarak 3 kilometer turut diadakan pada kali ini dan dijalankan di Taman Botanikal Ayer Keroh Melaka.

16

Program yang dikendalikan oleh Koordinator BCKK juga sangat menarik dimana ianya mengabungkan elemen Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan direalisasikan mengikut format program dalam bentuk Master Chef. Program ini memberi peluang kepada staf untuk memecah tembok perasaan malu untuk berkomunikasi didalam Bahasa Inggeris dalam suasana yang santai. Pelbagai masakan Melayu telah dihasilkan seperti kuih keria, gula melaka, pengat pisang dan lain-lain lagi, secara tidak langsung turut menyuntik semangat kerjasama dalam menyelesaikan tugas-tugas yang diberikan.

Kesemua peserta yang terlibat dalam kursus ini diharap dapat meneruskan semangat kerja berpasukan yang jitu dan memahami konsep ukhuwah lantas menguatkan lagi iltizam dan keazaman diri masing-masing.



BERITA
SISWA



17

Program Kesukarelawan Antarabangsa Diaspora Melayu UiTM 2017 ini telah julung kalinya dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kepekaan para pelajar terhadap beberapa aspek yang terangkum di dalam kesukarelawanan pelajar termasuk aspek kesukarelawanan sosial yang sangat dituntut dalam komuniti hari ini. Majlis pelepasan program telah dilancarkan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor di perkarangan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin.

Program ini dianjurkan oleh Majlis Pengetua Kolej Kediaman dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam dengan kerjasama Pejabat Pengarah Pembangunan Pelajar UiTM, Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla Thailand, Universiti Thaksin Songkhla, Pejabat Daerah Chana Songkhla dan Persatuan Imam Daerah Chana Songkhla. Program ini telah berlangsung dari 13 hingga 19 Oktober 2017.

Seramai 80 orang pemimpin pelajar kolej kediaman dan 20 orang staf kolej telah menyertai program ini. Pelajar yang terlibat telah menjalani program seperti program keluarga angkat, dimana seramai 40 keluarga telah terlibat. Selain itu juga para pelajar membuat lawatan di beberapa tempat seperti pusat anyaman bakul, projek pertanian Projek Pertanian Mulberry, Pusat Petro KimiaTrans Thai Malaysia (TTM) dan Kilang Ikan Bilis.

Aktiviti gotong-royong juga telah diadakan di Tanah Perkuburan Khok Khet, mengelat pagar dan dinding Masjid Darul Iman serta Kenduri Sekampus yang memasak dan menyediakan juadah ala Melayu Chana. Majlis penutup program ini telah diadakan di Pusat Tahfiz Al-Falahiyah Islamiah Kg Padang Langgar Chana dan disempurnakan oleh Pegawai Daerah Chana.



PROGRAM KESUKARELAWANAN

ANTARABANGSA DIASPORA MELAYU UiTM 2017

UiTM Chamber Choir Unggul di Peringkat Antarabangsa



UiTM bertanding dalam dua kategori iaitu Koir Campur yang disertai UiTM Chamber Choir (UCC) dan kategori Koir Wanita yang disertai UiTM Women's Chorale (UWC) seterusnya berjaya menjadi juara dalam kedua-dua kategori itu. Di Kalamata, UCC bersaing dengan pasukan koir dari 14 negara.

Kumpulan koir Fakulti Muzik Universiti Teknologi MARA (UiTM) membuktikan keunggulan apabila merangkul tiga anugerah pada Festival dan Pertandingan Koir Antarabangsa Kalamata, Greece 2017. Kumpulan berkenaan memenangi dua kategori, selain turut muncul juara keseluruhan pada pertandingan yang berlangsung dari 11 hingga 15 Oktober lalu.

UCC telah ditubuhkan pada 2015 oleh Pensyarah Kanan Fakulti Muzik UiTM, Dr Masashi Kishimoto dari Jepun dan terdiri daripada pelajar program diploma dan sarjana muda fakulti tersebut.

Kemenangan ini bukan saja membanggakan UiTM, malah turut mengharumkan nama negara kerana UiTM merupakan universiti pertama yang membuat persembahan di Kalamata dan memenangi hadiah utama.

BERITA
MoU



MoU antara UiTM dan
Yayasan Arshad Ayub



MoA antara UiTM
dan Kyushu Institute of Technology
(KYUTECH) Japan





20

MoU antara UiTM dan UNICEF



MoU antara UiTM dan
Rapid Rail Sdn Bhd



**BERITA
SUKAN**

Sukan antara Fakulti (SAF) 2017



15 November 2017 telah berlangsungnya Majlis Perasmian Penutupan SAF 2017 di Stadium UiTM Shah Alam. Majlis telah dirasmikan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM. SAF bermula pada 27 Oktober hingga 15 November 2017 yang melibatkan seramai 6078 warga UiTM iaitu 4567 orang pelajar dan 1511 staf.

Sebanyak 19 acara berpasukan dan 10 acara individu telah dipertandingkan yang melibatkan penyertaan lebih daripada 14 fakulti. Berikut adalah keputusan penuh SAF 2017:

Keseluruhan SAF 2017:

- Johan
Fakulti Sains Sukan & Rekreasi
- Naib Johan
Fakulti Sains Komputer dan Matematik
- Ketiga
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Perbarisan Terbaik:

- Johan
Fakulti Kejuruteraan Elekrik
- Naib Johan
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
- Ketiga
Fakulti Sains Gunaan

Lain-lain:

- Maskot Terbaik
Fakulti Sains Gunaan
- Persembahan Perbarisan Terbaik
Fakulti Muzik
- Kepimpinan Staf Terbaik
En. Mahyuddin Yaacob
(Pegawai Eksekutif Fakulti Muzik)
- Pengurusan Sukan Fakulti Terbaik
Fakulti Sains Gunaan



1UiTM 1000 Langkah



24 Disember 2017 - Program 1UiTM 1000 Langkah merupakan acara tahunan UiTM dan untuk tahun 2017, Fakulti Sains Kesihatan telah terpilih sebagai tuan rumah bagi mengacarakan program ini.

Program yang mengetengahkan aktiviti riadah secara santai dan terbuka kepada semua pelajar dan staf UiTM ini telah disertai oleh 953 orang. Sambutan yang diterima adalah sangat menggalakkan dan menghampiri sasaran seramai 1000 orang.

Program bermula seawal jam 7.30 pagi dengan acara flag-off oleh Rektor UiTM Cawangan Selangor, Prof. Dato' Dr Abu Bakar Abd Majeed diikuti dengan upacara perasmian penutup oleh Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said pada jam 10.30 pagi.

Jarak trek larian sejauh 3.2km meliputi sebahagian daripada kawasan kampus Puncak Alam. Barisan penaja program terutama sekali daripada Ecoworld, HNA Bakti Resources, IRLab dan Nescafe turut membantu memberikan sokongan dalam menjayakan program 1UiTM 1000 Langkah.

Seramai 20 orang pemenang yang terdiri daripada 10 orang peserta lelaki dan wanita telah menjuarai program ini. Program ini seumpama ini dapat mengeratkan silaturahim dan juga dapat membentuk warga UiTM yang sihat dan cerdas.



Bil. 04 Okt - Dis 2017

SALAWAT UITM



Konsep, Rekabentuk & Terbitan
Bahagian Canseleri Dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor



www.uitm.edu.my



UiTM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasmi

Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat